

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(VIII)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

10. Senaraikan bilangan keluarga yang dikategorikan sebagai miskin bandar mengikut daerah.
  - (a) Adakah Kerajaan Negeri akan mengkaji semula Paras Garis Kemiskinan (PGK) untuk selaras dengan kadar inflasi serta kos sara hidup?
  - (b) Terangkan dasar kebijakan yang berkesan untuk mengubah nasib golongan kemiskinan bandar dengan mempertingkatkan pendapatan mereka.

**YB. PHEE BOON POH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan golongan miskin yang terdapat di negeri ini. Berdasarkan senarai penerima bantuan Program Agenda Ekonomi Saksama (AES) sehingga 31 Mac 2020, terdapat seramai 660 orang miskin di seluruh negeri Pulau Pinang. Pecahan mereka mengikut daerah adalah seperti di **Lampiran A**. Statistik ini merangkumi individu perseorangan dan keluarga yang layak menerima bantuan AES kerana pendapatan isi rumah berada di bawah paras Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK).
  - (a) Kerajaan Negeri sentiasa prihatin terhadap peningkatan kos sara hidup yang memberi kesan besar kepada golongan miskin bandar. Kerajaan Negeri telah mengkaji kadar PGK baru bagi menyesuaikan PGK tersebut dengan kos sara hidup semasa. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri yang telah bersidang pada 18 Disember 2019 telah pun meluluskan kadar PGK yang

akan digunakan kerajaan negeri iaitu daripada RM790 kepada RM960 dan pendapatan per kapita daripada RM220 kepada RM260.

- (b) Kerajaan Negeri sentiasa komited untuk membantu golongan miskin mengubah nasib hidup mereka. Antara dasar kebijakan dan pendekatan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin bandar adalah seperti berikut:-
- (i) Meneruskan pelaksanaan Program Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (AES) untuk membantu dan membasmi kemiskinan negeri. Program bantuan ini menambah pendapatan penerima bantuan AES agar pendapatan bulanan mereka melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan, sekali gus mengeluarkan penerima bantuan daripada status miskin;
  - (ii) Melaksanakan Program “*2 Years Exit Programme*” kepada penerima-penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang layak. Program yang berkonsepkan kebijakan produktif ini menyediakan penerima bantuan yang terlibat dengan program ini untuk lebih berdikari dan tidak terus bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata untuk sara hidup selain mewujudkan peluang penjanaan sumber pendapatan yang stabil dan berterusan kepada peserta program;
  - (iii) Menyalurkan bantuan kewangan bulanan di bawah Bantuan Am Negeri. Bantuan-bantuan di bawah seliaan JKM ini merangkumi Bantuan Am dan Bantuan Pemulihan, Bantuan Sekolah Kepada Pelajar Miskin, Bantuan Bencana Alam, Tabung Bantuan Segera Negeri, dan Bantuan Banjir Kilat Peruntukan Negeri;
  - (iv) Bantuan Bina Baru merupakan antara bantuan yang diberikan kepada golongan miskin untuk menampung perbelanjaan membina rumah kediaman yang lebih sesuai untuk didiami. Bantuan Baik Pulih Rumah pula diberikan untuk menampung

- kos-kos membaik pulih rumah kediaman yang rosak agar bebanan implikasi kewangan tersebut dapat dikurangkan;
- (v) Mengadakan kursus-kursus kemahiran di bawah Program Pembangunan Modal Insan. Di bawah program ini, golongan-golongan miskin digalakkan menyertai kursus-kursus kemahiran yang melatih mereka kepada pembangunan kemahiran-kemahiran tertentu untuk digunakan sebagai asas penjanaan pendapatan untuk hidup berdikari tanpa perlu bergantung harap kepada bantuan-bantuan kerajaan;
  - (vi) Melaksanakan Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi di bawah Projek Khas Ekonomi. Program ini memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa termasuk golongan miskin. Mereka yang telah menjalankan perniagaan sekurang-kurangnya 1 tahun dan berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan adalah layak untuk mendapat bantuan peralatan dalam usaha mengembangkan lagi perniagaan sedia ada;
  - (vii) Menyediakan perkhidmatan Skim Pinjaman Harapan (SPH) kepada bakal-bakal usahawan. SPH di bawah seliaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) menyediakan saluran modal tambahan yang mudah dan tidak membebankan peminjam dengan kelayakan yang menyukarkan proses pinjaman. Program mikrokredit memberi peluang kepada usahawan tempatan, penganggur dan golongan B40 untuk menceburi bidang keusahawanan dengan membuat pinjaman wang tanpa sebarang cagaran dan penjamin. Golongan-golongan miskin ini dapat menggunakan pinjaman yang disediakan ini untuk mengubah nasib hidup mereka; dan
  - (viii) Menyediakan kemudahan kredit Tabung Usahawan Tani (TUT) Negeri Pulau Pinang. Tabung pinjaman mikro kredit tanpa riba ini diwujudkan bagi memberi dorongan kepada penternak, petani, dan nelayan,

khususnya yang tergolong dalam kalangan B40, untuk menjadikan sektor industri asas tani sebagai kerjaya dan punca pendapatan yang besar. Dahulunya dikenali sebagai Tabung Usahawan Tani Muda (TUTM) dan memfokuskan kepada belia, kini had umur tabung tersebut telah diperluas kepada peminjam berumur 18 hingga 60 tahun.

Untuk meringankan beban kewangan ke atas rakyat yang terkesan akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) termasuk golongan miskin, Kerajaan Negeri telah mengumumkan bantuan-bantuan seperti berikut:-

- (i) Bantuan *one-off* RM500 kepada peniaga dan penjaja berlesen merangkumi peniaga pasar malam, pasar tani, dan pengusaha kendara saji;
- (ii) Bantuan *one-off* RM500 kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan penerima Program Agenda Ekonomi Saksama;
- (iii) Bayaran RM500 kepada penarik beca merangkumi bantuan *one-off* RM200 dan baki insentif tahunan RM300 yang diawalkan pembayarannya;
- (iv) Pengecualian sewa selama dua bulan bagi penghuni Program Perumahan Rakyat (PPR);
- (v) Pengecualian bayaran sewa selama sebulan bagi premis-premis perniagaan milik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- (vi) Penangguhan tempoh bayaran balik selama tiga bulan bagi peminjam Skim Pinjaman Harapan, Tabung Usahawan Tani, dan Pinjaman Penuntut; dan
- (vii) Bantuan zakat kepada golongan asnaf.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah meluluskan pek bantuan makanan kering kepada golongan terkesan akibat pelaksanaan PKP. Sebanyak 20,000 pek bantuan dengan

kos keseluruhan RM1 juta akan diedarkan kepada penerima yang terdiri daripada penerima bantuan JKM, penerima bantuan AES, penduduk Projek Perumahan Rakyat (PPR) atau rumah kos rendah, dan mana-mana individu/keluarga yang dikenal pasti layak untuk menerima bantuan.

## **Lampiran A**

### **Bilangan Penduduk Yang Tergolong Dalam Kategori Miskin Bandar Mengikut Pecahan Daerah-daerah di Pulau Pinang**

<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Penduduk</b>
<b>Timur Laut</b>	<b>70</b>
<b>Barat Daya</b>	<b>92</b>
<b>Seberang Perai Utara</b>	<b>329</b>
<b>Seberang Perai Tengah</b>	<b>70</b>
<b>Seberang Perai Selatan</b>	<b>97</b>
<b>Jumlah</b>	<b>658</b>